

Malaysia sokong penuh ketetapan

RA - 27/10/2021 mks: 3

Pengerusi ASEAN tegas kecualikan wakil junta Myanmar sertai persidangan

Kuala Lumpur: Malaysia menyokong penuh keputusan Brunei selaku Pengerusi ASEAN, berhubung isu perwakilan dari Myanmar pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 serta Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata demikian menerusi Twiternya ketika mengulas kenyataan Malaysia pada sidang kemuncak tiga hari, bermula semalam yang diadakan secara maya.

Ketika Mesyuarat Menteri Luar ASEAN pada 15 Oktober lalu, blok serantau itu menga-



Ismail Sabri berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 serta Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan melalui persidangan video, semalam.

(Foto BERNAMA)

mbil langkah tegas mengecualikan Myanmar pada sidang kemuncak kali ini, selain menolak permintaan kerajaan bayangan Myanmar, Kerajaan Perpaduan Nasional (NUJ) untuk menyertai sidang berkenaan.

Kumpulan serantau itu sebaliknya memutuskan untuk mengundang wakil bukan politik

mewakili negara berkenaan.

Negara anggota ASEAN memulakan sidang kemuncak ke-38 dan ke-39 secara maya semalam, dengan Brunei selaku pengerusi, antara lain menumpukan agenda memerangi COVID-19 dan menggalakkan pemulihan ekonomi.

Bertemakan 'We Care, We Prepare, We Prosper', persidangan

dijangka membincangkan beberapa isu, termasuk mengukuhkan lagi daya tahan komuniti ASEAN ke arah pemulihan serantau daripada pandemik.

Sidang juga menyentuh mengenai meningkatkan kesediaan ASEAN dalam menangani cabaran bersama; merebut peluang baharu untuk mengejar kemakmuran bersama dan mengekalkan kerjasama ke arah mencapai matlamat jangka panjang serantau, lapor Agensi Berita Xinhua.

Berlangsung sehingga Khamis, Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 serta sidang kemuncak berkaitan bakal disertai pemimpin rakan dialog ASEAN, termasuk China, Jepun, Korea Selatan, India, Amerika Syarikat, Australia dan Russia.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-38, Ismail Sabri turut menyentuh mengenai COVID-19 dan menggesa ASEAN meningkatkan kerjasama dengan negara yang mempunyai pemikiran sama serta pertubuhan antarabangsa yang relevan ke arah memastikan vaksin pada harga

mampu milik, mudah diperolehi, selain dikongsi secara saksama dan mengutamakan diplomasi kesihatan menerusi kolaborasi lebih meluas.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Pasukan Petugas Peringkat Tinggi (HLTF) yang menyediakan Wawasan Komuniti ASEAN 2025 seharusnya mampu menyiapkan ASEAN menjadi lebih ampuh dalam menangani cabaran dan menerima perubahan.

Beliau menekankan perkumpulan serantau itu seharusnya mengenal pasti langkah membolehkan ASEAN dapat bekerja lebih efisien dan efektif sambil manfaat sepenuhnya sumber.

"Masukkan segala peluang yang terbit daripada pengalaman dan pengajaran yang diperolehi daripada pandemik," katanya.

Pada Sidang Kemuncak ke-39, beliau berkata, Malaysia menyeru Myanmar menunaikan komitmennya terhadap penghantaran pulung pelarian, selain melindungi mereka yang pulung.

BERNAMA